

CENTRE FOR INSTRUCTOR AND ADVANCED SKILL TRAINING (CIAST)
DEPARTMENT OF SKILLS DEVELOPMENT
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES

SkillsMalaysia Journal

Penggredan Semula Sekolah Menengah Vokasional Kepada Kolej Vokasional: Kajian Tahap Kompetensi Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pengajar

W. Nazrul Azwana W. Jalal¹, W Nasarudin W Jalal², Ahmad M. Sharif¹,
Noraida Abdul Rahman³

¹Jabatan Teknologi Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak

²Sistem Latihan Dual Nasional, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia Aras 7&8, Blok D4,
Parcel D, 62501 Putrajaya

³SMKA Maahad Hamidiah, Sungai Ramal Luar, 43300 Kajang, Selangor

Abstrak

Kajian awal ini bertujuan untuk menilai kesediaan pengajar kolej vokasional dari segi kompetensi pengajaran-pembelajaran dan pentaksiran pengajar. Kajian ini juga berhasrat untuk mengenal pasti jika terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kompetensi dalam kalangan pengajar berlainan demografi. Kerangka konsep kajian ini menggunakan model kompetensi yang dibina oleh *International Board of Standards for Training, Performance and Instruction* (IBSTPI®). Sampel tinjauan terdiri daripada 70 orang pengajar Kolej Vokasional di Selangor yang diambil menerusi soal-selidik. Dapatan kajian menunjukkan tahap kompetensi guru dalam pengajaran-pembelajaran dan pentaksiran adalah tinggi. Namun begitu, pengajar yang berpengalaman mengajar lebih lama memberi persepsi yang lebih kompeten. Faktor-faktor demografi lain tidak menunjukkan signifikan dengan kompetensi pengajar. Ini menandakan bahawa pengajar bersedia dalam pengajaran-pembelajaran dan pentaksiran bagi memenuhi kompetensi yang diperlukan oleh kolej vokasional yang baharu dinaiktaraf.

Kata kunci : kesediaan, kompetensi guru, kolej vokasional

Pengenalan

Kolej Vokasional (KV) mula diwujudkan di Malaysia pada tahun 2012 seiring dengan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2011. Kewujudan KV telah memperlihatkan pelbagai perubahan dan paradigma baru di dalam sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di negara ini (Othman at el, 2011). Pendekatan sebelum ini ada lah tidak tepat kerana di negara maju aspek teknikal dan vokasional di letakkan sebagai pilihan yang sama dengan akademik. Penubuhan KV diharapkan dapat menghapuskan persepsi bahawa PTV sebagai bidang kedua selepas bidang akademik lain, malah memberi satu laluan kerjaya yang lebih jelas.

Pada dasarnya, KV merupakan sebuah pusat pendidikan yang terhasil dari penggredan semula Sekolah Menengah Vokasional (SMV) yang dihasratkan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi untuk menempuh alam pekerjaan. Selain itu, matlamatnya juga adalah untuk melahirkan pelajar yang bersedia untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di Kolej Vokasional, Kurikulum Kolej Vokasional telah menetapkan bahawa Pentaksiran Berasaskan Standard Kompetensi Vokasional (PBSKV) digunakan sebagai kaedah untuk mengukur pencapaian

kompetensi vokasional pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Kebolehan pelajar memperlihatkan kompetensi vokasional yang dikuasai menerusi pelbagai cara dalam satu tempoh masa tertentu menjadi penekanan utama dalam pentaksiran. Kurikulumnya digubah mengikut standard kompetensi bekerja yang ditetapkan oleh organisasi standard pekerjaan dan aras pembelajarannya menepati keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia tahap 1 hingga tahap 4 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Sebelum KV di tubuhkan, kurikulum pendidikan teknik dan pendidikan vokasional diterapkan secara intensif di sekolah menengah teknik (SMT) menerusi mata pelajaran aliran teknik (MPAT), dan di sekolah menengah vokasional (SMV) menerusi mata pelajaran aliran vokasional (MPAV) dan aliran kemahiran. Kurikulum kedua-dua aliran itu iaitu aliran teknik dan aliran vokasional tidak dapat mempersiapkan pelajar menjadi pekerja separuh mahir atau pekerja mahir bertauliah serta mendapat pengiktirafan industri atau badan-badan profesional. Pelajar sebaliknya dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia. Sijil ini bukan sahaja tidak dapat menjelaskan kemahiran vokasional yang dimiliki oleh pemegangnya, malah tidak dapat melayakkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat diploma politeknik tanpa memenuhi kriteria artikulasi yang tertentu yang ditetapkan oleh institusi pengajian tinggi itu.

Pada masa ini, terdapat juga program pengajian di KV yang menggunakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) sebagai kurikulum latihan. Pelajar yang menjalani kurikulum aliran kemahiran yang merujuk kepada standard yang ditetapkan oleh Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia membolehkan pelajar ini dipersiapkan dengan kemahiran bekerja, pengetahuan kerja dan sikap kerja. Ini menunjukkan sesetengah program latihan berasaskan Standard Kompetensi Vokasional memenuhi kehendak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang akan membolehkan para pelajar menyambung pengajian ke peringkat Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) tanpa perlu melanjutkan pengajian di Politeknik.

Namun begitu, cabaran terbesar pelaksanaan program di KV yang mendapat pentauliahan daripada JPK adalah kaedah pengajaran yang berbeza antara sistem sedia ada di KV dengan sistem latihan kemahiran bagi Pusat Bertauliah JPK. Oleh yang demikian, kajian tentang tahap kompetensi kaedah pengajaran dan pembelajaran pengajar dilihat penentu kejayaan pelaksanaan program latihan berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) di KV.

Cabaran Kolej Vokasional

Penggredan semula Sekolah Menengah Vokasional ke Kolej Vokasional melibatkan peningkatan dari segi persijilan pelajar lulusan Kolej Vokasional. Sebelum ini, institusi ini hanya mengeluarkan graduan yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan 2 beserta Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional, namun kini institusi ini akan menghasilkan pelajar yang berkelulusan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, 2, 3 dan 4 bersama-sama dengan Diploma Vokasional Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini menjurus kepada menilai kesediaan kompetensi pengajar Kolej Vokasional dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dari perspektif pengajar sendiri. Kajian secara terperinci mengenai tahap kompetensi pengajar di kolej vokasional belum pernah dilakukan memandangkan konsep kolej vokasional baru diperkenalkan pada tahun 2012 di Malaysia.

Yusof (2003) mendapati kajian ke atas pensyarah-pensyarah yang berkhidmat di Politeknik Port Dickson beranggapan bahawa kompetensi-kompetensi pengajaran perlu dikuasai dalam menghasilkan pengajaran yang efektif. Kompetensi-kompetensi pengajaran yang dinilai meliputi kompetensi perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, penilaian pencapaian pelajar dan hubungan interpersonal.

Dari aspek faktor-faktor demografi pensyarah berbanding tahap kompetensi pula, kajian oleh (A. Othman & Mat Nashir, 2010) terhadap kompetensi pensyarah wanita dalam mengendalikan bengkel mekanikal di politeknik di Malaysia mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kebolehan dan kemahiran mereka berbanding pensyarah lelaki. Kajian ke atas kompetensi guru mata pelajaran vokasional juga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap faktor-faktor demografi kecuali ke atas pengalaman mengajar dan kursus yang diterima (Muhamad, 2004).

Oleh yang demikian, kajian ke atas pengajar di Kolej Vokasional Kajian ini dilihat sebagai satu elemen penting sebagai penanda aras dalam menilai kompetensi pengajar di kolej vokasional yang boleh digunakan sebagai asas kepada perancangan untuk penambahbaikan menggunakan modul latihan yang sesuai selaras dengan kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia yang ingin menghasilkan pelajar kolej vokasional di peringkat diploma supaya mereka ini terus memenuhi ruang-ruang kosong di dunia pekerjaan yang memerlukan pekerja yang berkemahiran tinggi dan bersahsiah terpuji.

Kajian yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen penilaian utama menggunakan model kompetensi yang dibangun dan disahkan oleh International Board of Standards for Training, Performance and Instruction (IBSTPI). Objektif utama kajian adalah

untuk menentukan tahap kompetensi kaedah pengajaran dan pembelajaran pengajar. Selain itu, tahap kompetensi pentaksiran dan penilaian pengajar juga dinilai untuk mengenalpasti tahap sedia ada pengajar. Kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor demografi dengan tahap kompetensi pengajar.

Kompetensi

Kompetensi ditakrifkan oleh International Board of Standards for Training, Performance and Instruction (IBSTPI) sebagai satu himpunan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang saling berkaitan bagi membolehkan seseorang individu melaksanakan aktiviti-aktiviti berhubung dengan sesuatu pekerjaan atau fungsi tugas mengikut standard yang dijangkakan (Muhamad, 2004). Kecekapan biasanya dianggap mewakili lebih daripada tahap pengetahuan dan kemahiran dan untuk mengambil kira keberkesanan pelaksanaan ilmu yang ada dan kemahiran dalam konteks tertentu (Westera, 2001). Rylatt dan Lohan (1995) mendefinisikan kompetensi sebagai kemahiran asas, kemahiran generik, kemahiran utama, kemahiran boleh pindah dan kemahiran personal yang merujuk kepada kemahiran dan pengetahuan serta sikap yang menjadi asas kepada prestasi kerja dan tugas yang dilakukan. Manakala Hackett (2001) pula menyifatkan kompetensi sebagai kemahiran kognitif yang boleh dipelajari dan merupakan atribusi tingkah laku.

Oleh yang demikian, kompetensi dilihat sebagai satu komponen penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam apa-apa bidang yang diajar oleh seseorang pengajar. Apatah lagi sifat kompetensi yang boleh dipelajari dan sentiasa ditambah baik akan membantu meningkatkan prestasi kerja dan kecemerlangan jika seseorang individu sentiasa berusaha untuk memperbaiki kompetensi yang sedia ada.

Kompetensi Pengajar IBSTPI®

International Board of Standards for Training, Performance and Instruction(®) merupakan sebuah badan yang telah membangun dan mengesahkan standard/piawai untuk profesional dalam bidang latihan dan prestasi. Ibstpi telah mengeluarkan lima set kompetensi yang digunakan sebagai asas untuk menilai tahap kompetensi iaitu Kompetensi Rekabentuk Pengajaran, Kompetensi Penilai, Kompetensi Pengajar, Kompetensi Pengurus Latihan dan yang terkini Kompetensi Pelajar Atas Talian. Kompetensi Pengajar ibstpi® dikelompokkan kepada lima domain utama yang mengandungi 18 set kompetensi. Lima domain tersebut ialah domain asas professional, perancangan dan persediaan, kaedah dan strategi pengajaran, pentaksiran dan penilaian dan domain pengurusan (Klein, 2004).

Domain asas professional merangkumi empat bidang kompetensi iaitu komunikasi, pembangunan profesional, undang-undang dan etika, dan kredibiliti. Domain kedua pula ialah perancangan dan persediaan yang mempunyai kecekapan di bidang masing-masing. Kaedah pengajaran dan strategi adalah domain ketiga dan terbesar yang dipilih untuk dikaji di dalam kajian ini meliputi tujuh bidang kompetensi iaitu motivasi, persembahan, kemudahan, mempersoalkan, menjelaskan dan membetulkan, pengecalan kemahiran dan pemindahan pengetahuan dan kemahiran.

Domain keempat penilaian di mana penilaian menekankan aspek kecekapan dalam menilai pembelajaran dan prestasi pelajar serta menilai keberkesanan pengajaran. Domain kelima iaitu domain pengurusan pula di bidang masing-masing menjurus dalam bidang urusan persekitaran dan pengurusan penggunaan teknologi adalah dua bidang kompetensi dalam domain lepas (International Board of Standards for Training, Performance and Instruction, 2003).

Walau bagaimanapun, kajian ini menumpukan kepada kaedah dan strategi pengajaran serta kompetensi kaedah pentaksiran. Model Kompetensi Pengajar ibstpi® dipilih dalam menjayakan kajian ini kerana ianya merupakan suatu model yang telah mematuhi standard antarabangsa. Selain dilihat sebagai relevan dan lebih komprehensif dari segi pengukuran tahap kompeten pengajar, model ini juga mempunyai keesahan yang tinggi dan telah diuji di dalam dan luar negara.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpulkan data daripada sampel yang telah dipilih secara rawak berstrata. Kajian ini juga melibatkan penilaian berdasarkan persepsi, pandangan, pemerhatian dan pengalaman responden yang sedang bertugas sebagai pengajar. Seramai 70 orang pengajar dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik yang dihantar secara serahan tangan. Kajian melibatkan pengajar lelaki dan perempuan yang mengajar di Kolej Vokasional di bandar dan luar bandar untuk meningkatkan kebolehpercayaan penilaian.

Soal selidik digunakan sebagai instrumen di dalam kajian ini. Soal selidik ini diadaptasi dan diubahsuai daripada soal selidik Hajar (2008) yang membuat kajian taksiran keperluan kompetensi pengajar guru mata pelajaran vokasional. Beliau telah mengadaptasi soal selidik ini daripada pernyataan prestasi untuk menggambarkan kompetensi pengajar yang disenaraikan oleh

International Board of Standards for Training, Performance and Instruction (2003). Item-item soal selidik ini perlu disemak kerana ia merupakan soal selidik yang diadaptasi untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan supaya bersesuaian dengan konteks kajian (Witkin, 1984). Oleh yang demikian, satu kajian rintis telah dijalankan di salah sebuah kolej vokasional yang akan dikaji. Kemudiannya kajian rintis tersebut disahkan oleh pakar.

Soal selidik mengandungi tiga konstruk utama, iaitu konstruk kualiti peribadi, konstruk kaedah dan strategi pengajaran dan konstruk pentaksiran dan penilaian. Konstruk kaedah dan strategi pengajaran dibahagikan kepada lapan (8) konstruk yang lebih kecil iaitu:

- a. Kompetensi 1: Merangsang dan mengekal motivasi dan penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.
- b. Kompetensi 2: Menunjukkan kemahiran penyampaian tunjuk cara (*demonstration*) yang berkesan.
- c. Kompetensi 3: Menunjukkan kemahiran memudahcara yang berkesan.
- d. Kompetensi 4: Menunjukkan kemahiran menyoal yang berkesan.
- e. Kompetensi 5: Memberikan penjelasan dan maklum balas.
- f. Kompetensi 6: Menggalakkan pengekalan pengetahuan dan kemahiran.
- g. Kompetensi 7: Menggalakkan pemindahan pengetahuan dan kemahiran.
- h. Kompetensi 8: Menggunakan media dan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran dan prestasi pelajar.

Konstruk pentaksiran dan penilaian pula mengandungi dua (2) bahagian iaitu:

- a. Kompetensi 9: Menilai pembelajaran dan prestasi pelajar dan
- b. Kompetensi 10: Menilai keberkesanan pengajaran

Skor yang diguna pakai dalam soal selidik adalah berdasarkan skala Likert yang menggunakan lima mata. Interpretasi skor min adalah berdasarkan Allen dan Seaman (2007) iaitu:

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Min Dengan Tahap Kompetensi

Skor Min	Tahap Kompetensi
4.01 hingga 5.00	Tinggi
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 hingga 3.00	Sederhana
1.01 hingga 2.00	Rendah
.00 hingga 1.00	Sangat Rendah

Sumber: Allen, I. E., & Seaman, C. A. (2007). Likert scales and data analyses. Quality Progress

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan kompetensi sedia ada pengajar berhubung kaedah dan strategi pengajaran berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.00. Kompetensi berhubung dengan pentaksiran dan penilaian juga menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.22.

Analisis lebih terperinci bagi melihat skor min bagi setiap kompetensi yang dimiliki oleh pengajar adalah seperti berikut:

Jadual 2.0: Kekerapan Kompetensi Sedia Ada Berhubung Dengan Kaedah Dan Strategi Pengajaran Dan Kompetensi Berhubung Dengan Pentaksiran Dan Penilaian

	Kompetensi	Min	Sisihan Piawai
Kompetensi berhubung dengan kaedah dan strategi pengajaran	Kompetensi 1	4.23	.41
	Kompetensi 2	4.12	.48
	Kompetensi 3	4.15	.48
	Kompetensi 4	4.19	.48
	Kompetensi 5	4.25	.47
	Kompetensi 6	4.13	.48
	Kompetensi 7	4.89	.56
	Kompetensi 8	4.91	.54
Kompetensi berhubung dengan pentaksiran dan penilaian	Kompetensi 9	4.03	.51
	Kompetensi 10	4.09	.47

Nota: Skor min 4.01-5.00 tinggi; 3.01-4.00 sederhana tinggi; 2.01-3.00 sederhana; 1.01-2.00 rendah dan 0.01-1.00 sangat rendah.

Secara keseluruhannya, skor min bagi kompetensi menggunakan media dan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran dan prestasi pelajar mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.91 manakala skor terendah diperolehi bagi kompetensi menilai keberkesanan pengajaran dengan skor min 4.03. Kompetensi-kompetensi lain samada berhubung dengan kaedah dan strategi pengajaran atau berhubung dengan pentaksiran dan penilaian menunjukkan skor min yang tinggi.

Kajian ke atas tahap kompetensi pengajar dengan faktor-faktor demografi juga telah dilakukan untuk melihat hubungan antara keduanya. Terdapat lapan (8) faktor yang dikaji iaitu lokasi kolej samada di bandar atau di luar bandar, jantina pengajar, kelulusan akademik pengajar samada di peringkat diploma, sarjana muda dan sarjana serta jabatan mata pelajaran yang diajar telah dikaji. Selain itu, tempoh pengalaman mengajar untuk mengajar kurang dari 5 tahun, 5 hingga 10 tahun dan lebih 10 tahun mengajar juga telah diambil kira. Selain itu keahlian dalam badan professional dan latihan yang diterima berhubung P&P juga telah dijadikan sebagai faktor demografi yang dikaji dalam kajian terhadap kompetensi pengajar di Kolej Vokasional di Selangor.

Jadual 3.0: Hubungan Antara Faktor Demografi Dengan Kompetensi Sedia Ada Berhubung Dengan Kaedah Dan Strategi Pengajaran Dan Kompetensi Berhubung Dengan Pentaksiran Dan Penilaian

Faktor- faktor Demografi		Kompetensi berhubung dengan kaedah dan strategi pengajaran	Kompetensi berhubung dengan pentaksiran dan penilaian
Lokasi Kolej	Korelasi Pearson	-.13	.08
	Sig. (2-hala)	.30	.51
Jantina	Korelasi Pearson	-.04	.15
	Sig. (2-hala)	.78	.21
Kelulusan Akademik	Korelasi Pearson	-.17	-.08
	Sig. (2-hala)	.16	.51
Jabatan Mata Pelajaran Yang Diajar	Korelasi Pearson	-.04	-.15
	Sig. (2-hala)	.72	.23
Pengalaman Mengajar (Tahun)	Korelasi Pearson	.28	.30
	Sig. (2-hala)	.02	.01
Ahli Badan Professional	Korelasi Pearson	-.09	.12
	Sig. (2-hala)	.44	.31
Latihan Diterima Berhubung P&P	Korelasi Pearson	.00	.08
	Sig. (2-hala)	1.00	.53

Kajian ke atas hubungan antara faktor demografi dengan tahap kompetensi pengajar menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah tetapi signifikan di antara tempoh pengalaman mengajar dengan tahap kompetensi sedia ada guru dari segi kaedah dan strategi pengajaran ($r=0.28$, $p<0.05$). Hubungan antara tahap kompetensi sedia ada berhubung pentaksiran dan penilaian dengan tempoh pengalaman mengajar juga adalah lemah tetapi signifikan ($r=0.30$, $p<0.05$). Walau bagaimanapun, nilai Korelasi Pearson, r menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah dan tidak signifikan terhadap faktor-faktor demografi lain yang dikaji. Memandangkan terdapat hubungan yang signifikan antara tempoh pengalaman mengajar dengan kompetensi pengajar, ujian ANOVA telah dijalankan untuk membandingkan min yang diperolehi berbanding tempoh pengalaman mengajar.

Jadual 4.0: Jadual kekerapan Tempoh Pengalaman Mengajar Dengan Kompetensi Sedia Ada Berhubung Dengan Kaedah Dan Strategi Pengajaran Dan Kompetensi Berhubung Dengan Pentaksiran Dan Penilaian

Pengalaman Mengajar		Bilangan Pengajar	Min	Sisihan Piawai
Kompetensi Berhubung Dengan Kaedah Dan Strategi Pengajaran	<5 Tahun	5	3.80	.27
	5-10 Tahun	21	3.83	.36
	>10 Tahun	44	4.10	.49
Kompetensi Berhubung Dengan Pentaksiran Dan Penilaian	<5 Tahun	5	3.80	.45
	5-10 Tahun	21	3.86	.48
	>10 Tahun	44	4.16	.48

Nota: $n=70$

Jadual 4.0 menunjukkan semakin tinggi tempoh pengalaman mengajar seseorang pengajar, semakin tinggi min yang diperolehi untuk kedua-dua kompetensi yang dikaji. Hasil ujian-t ke atas pangajar lelaki dan perempuan juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi pengajar lelaki dan perempuan dengan nilai ($F=0.66$, $p=0.42$) bagi tahap kompetensi berhubung dengan kaedah dan strategi pengajaran dan ($F=0.03$, $p=0.86$) bagi tahap kompetensi berhubung dengan pentaksiran dan penilaian.

Ujian-t yang dilakukan ke atas tahap kompetensi pengajar Kolej Vokasional di bandar dan luar bandar juga tidak memberikan perbezaan yang signifikan dengan bacaan ($F=0.32$, $p=0.57$) bagi tahap kompetensi berhubung dengan kaedah dan strategi pengajaran dan ($F=0.24$, $p=0.63$) bagi tahap kompetensi berhubung dengan pentaksiran dan penilaian.

Perbincangan

Hubungan Kompetensi Dengan Pengajaran-Pembelajaran

Skor min bagi kompetensi-kompetensi yang berhubung dengan kaedah dan strategi pengajaran memberikan nilai yang tinggi di antara 4.91 dan 4.12. Julat yang besar ini memberi petunjuk bahawa tahap kompetensi pengajar berhubung kaedah dan strategi pengajaran masih belum menyeluruh. Kompetensi menggunakan media dan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran dan prestasi pelajar memperoleh skor yang paling tinggi iaitu 4.91 tetapi kompetensi menunjukkan kemahiran penyampaian tunjuk cara yang berkesan hanya memperoleh skor min 4.12. Kompetensi menggalakkan pengekalan pengetahuan dan kemahiran pula memperoleh skor min 4.13 dan kompetensi menunjukkan kemahiran memudahcara yang berkesan hanya memperoleh skor min 4.15.

Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa pengajar-pengajar perlu diberikan latihan yang sesuai dalam mengukuhkan teknik penyampaian dan kemahiran memudahcara dengan berkesan. Apatah lagi pengajar-pengajar ini mengajar di Kolej Vokasional yang banyak melibatkan aktiviti amali di bengkel-bengkel kemahiran selaras dengan Kenkel (2011) yang menekankan kepentingan kemahiran berkomunikasi dalam kejayaan apa jua profesion. Apabila kedua-dua kompetensi ini telah kukuh, diharapkan kompetensi yang ditakrifkan oleh Mc Kee dan Eraut (2012) sebagai kebolehan untuk melakukan tugas yang mencapai standard yang telah dikenal pasti akan dapat menggalakkan pengekalan pengetahuan dan kemahiran akan menjadi baik dengan sendirinya. Selain itu juga dapatan ini bersesuaian dengan kajian terhadap pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia yang menegaskan bahawa asertif, suara, penggunaan audio-visual dan perlaksanaan aktiviti oleh pensyarah merupakan faktor kepada kompetensi pensyarah (N. Othman & Abdul Rahman, 2010).

Hubungan Kompetensi Dengan Pentaksiran Dan Penilaian

Tahap kompetensi berhubung dengan pentaksiran dan penilaian ini melibatkan dua bahagian iaitu menilai pembelajaran dan prestasi pelajar dan menilai keberkesanan pengajaran. Skor min bagi kedua-dua bahagian ini agak rendah berbanding skor min yang diperolehi terhadap tahap kompetensi berhubung dengan kaedah dan strategi pengajaran dengan masing-masing memperoleh skor min 4.03 dan 4.09.

Walaupun secara keseluruhannya tahap ini dikatakan tinggi namun nilai yang rendah dibandingkan kompetensi-kompetensi lain yang dikaji memberi gambaran bahawa amalan refleksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak dipraktikkan dengan baik oleh pengajar-pengajar. Apatah lagi amalan reflektif dapat meningkatkan tahap profesional diri dari pengajar dari segi keilmuan, ketrampilan dan kemahiran serta menjadi "more thoughtful teachers" (Boon, 2005). Pelbagai strategi amalan reflektif dapat diterapkan oleh pengajar melalui penulisan reflektif/jurnal, portfolio pengajaran, penyelidikan tindakan, perkembangan professional on-line serta aktiviti Pusat Kegiatan Guru dapat membawa kepada peningkatan profesional diri.

Kompetensi Berbanding Dengan Faktor Demografi

Kajian ke atas tahap kompetensi pengajar berbanding faktor-faktor demografi yang dikaji telah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan kecuali pada faktor tahap pengalaman mengajar pengajar. Keputusan ini membuktikan bahawa tahap kompetensi bagi pengajar lelaki atau perempuan, bagi kolej di bandar atau di luar bandar dan juga jenis kelulusan pengajar tidak mempunyai hubungan dengan tahap kompetensi pengajar. Ini memberi gambaran bahawa pihak berwajib yang bertanggungjawab dalam pengambilan pengajar baru ke kolej vokasional tidak perlu mengambil kira faktor-faktor demografi ini dalam proses pengambilan dan perlantikan pengajar. Apatah lagi hasil ujian ANOVA yang dijalankan ke atas tempoh pengalaman mengajar berbanding kompetensi menunjukkan semakin lama seorang pengajar mengajar, semakin tinggi tahap kompetensinya. Tempoh pengalaman mengajar ini sememangnya bertambah seiring dengan masa. Oleh yang demikian tidak terdapat sebarang gangguan oleh faktor-faktor demografi terhadap kompetensi pengajar yang memberi kesan secara signifikan semasa proses pengambilan pengajar-pengajar Kolej Vokasional. Keputusan ini sekaligus menyokong dapatan kajian taksiran keperluan kompetensi pengajar guru mata pelajaran vokasional yang juga mendapati tidak terdapat pengaruh yang signifikan oleh faktor-

faktor demografi terhadap kompetensi sedia ada guru kecuali terhadap faktor pengalaman mengajar (Muhamad, 2004). Dapatan ini juga menyokong kajian terhadap kompetensi pensyarah wanita berbanding lelaki dalam aspek pengendalian bengkel mekanikal di politeknik-politeknik di Malaysia yang juga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan (A. Othman & Mat Nashir, 2010).

Kesimpulan

Kajian ini secara keseluruhannya telah mengkaji tahap kompetensi pengajar di Kolej Vokasional di negeri Selangor yang merangkumi tiga komponen utama, iaitu konstruk kualiti peribadi, konstruk kaedah dan strategi pengajaran dan konstruk pentaksiran dan penilaian. Tiga elemen ini dilihat sebagai elemen penting dalam menentukan keperibadian seseorang pengajar. Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan bahawa pengajar-pengajar mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam ketiga-tiga komponen yang dikaji yang sekaligus memberi gambaran bahawa pengajar-pengajar memang telah bersedia untuk melalui proses menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional kepada Kolej Vokasional. Apatah lagi, analisis statistik inferensi yang dilakukan telah menunjukkan faktor pengalaman kerja pengajar mempengaruhi tahap kompetensi mereka di mana semakin lama seseorang pengajar bertugas, semakin meningkat tahap kompetensi mereka. Namun begitu, dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran dan bersedia menempuh alam pekerjaan, kompetensi menggalakkan pengekalan pengetahuan dan kemahiran dan kompetensi menunjukkan kemahiran memudahcara yang berkesan perlu ditingkatkan oleh pengajar-pengajar. Begitu juga dengan amalan reflektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga perlu ditambahbaik. Dengan adanya kajian ini, diharapkan ianya boleh dijadikan sebagai penanda aras dalam menilai kompetensi pengajar di kolej vokasional yang boleh digunakan sebagai asas kepada perancangan untuk penambahbaikkkan menggunakan modul latihan yang sesuai selaras dengan kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia yang ingin menghasilkan pelajar kolej vokasional di peringkat diploma supaya mereka ini terus memenuhi ruang-ruang kosong di dunia pekerjaan yang memerlukan pekerja yang berkemahiran tinggi dan bersahsiah terpuji.

Rujukan

- Allen, I. E., & Seaman, C. A. (2007). Likert scales and data analyses. *Quality Progress* (Vol. 40, pp. 64–65).
- Boon, P. Y. (2005). Amalan Reflektif Ke Arah Peningkatan Profesionalisme Diri Guru. *IPBA*, 3.
- Hackett, S. (2001). Educating for competency and reflective practice: fostering a conjoint approach in education and training. *Journal of Workplace Learning*, 13(3), 103–112.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional. Retrieved from http://www.bptv.edu.my/v4/images/bahanpdf/pelanstrategiktpv/PelanStrategikTranformasiPendidikanVokasional_1.pdf
- Kenkel, C. S. (2011). Teaching presentation skills in online business communication courses. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*, 7(3), 412–418. Retrieved from http://jolt.merlot.org/vol7no3/kenkel_0911.htm
- Klein, J. D. (2004). Instructor competencies: Standards for face-to-face, online, and blended settings. IAP.
- Mc Kee, A., & Eraut, M. (2012). Learning Trajectories, Innovation and Identity for Professional Development SE - 1. In A. Mc Kee & M. Eraut (Eds.), *Learning Trajectories, Innovation and Identity for Professional Development SE - 1* (Vol. 7, pp. 1–19). Springer Netherlands.
- Muhamad, H. (2004). Kajian taksiran keperluan kompetensi pengajar guru mata pelajaran vokasional (MPV). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, A., & Mat Nashir, I. (2010). Competencies Of Female Lecturers In Handling Mechanical Workshop In Malaysian Polytechnics. *SEAVERN Journals*, 2(1).
- Othman, N., & Abdul Rahman, K. A. (2010). Hubungan Antara Kompetensi Pensyarah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Westera, W. (2001). Competences in education: A confusion of tongues. *Journal of Curriculum Studies*, 33(1), 75–88.
- Yusof, Y. (2003). Kompetensi pensyarah dalam proses pengajaran: satu kajian di Politeknik Port Dickson. *Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*. Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: UTM